



Dr Mahathir ditemani isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

(FB Tun Mahathir Mohamad)

'Saya sudah pulih, terima kasih semua'

Dr Mahathir masih perlu jalani rawatan susulan di IJN setiap hari

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau sudah kembali pulih selepas menjalani rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) sejak awal bulan lalu.

Dalam video ringkas dikongsi di akaun Youtubenya, bekas Perdana Menteri itu memaklumkan, akan pulang kediamannya setiap

hari, sebelum kembali semula ke hospital bagi meneruskan rawatan susulannya.

"Saya ingin maklumkan bahawa saya sudah pulih, (walaupun) tak sepenuhnya. Tiap-tiap hari, saya balik ke rumah dari hospital.

"Saya balik dari pagi sampai petang, lepas itu saya balik (semula) ke hospital kerana masih ada prosedur yang mereka ingin teruskan," katanya.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang mendoakannya, selain berharap untuk pulih dalam tempoh terdekat ini.

"Saya ucap terima kasih kepada semua pihak yang berdoa untuk pemulihan saya. Ramai yang hantar bunga, kad dan sebagainya.

"Untuk itu saya ucap terima

kasih. Harapan saya, dalam jangka masa tak lama, saya akan pulih sepenuhnya," katanya.

Terdahulu, pejabatnya memaklumkan, sejak Rabu lalu, Dr Mahathir dibenar pulang ke rumah dan kemudian kembali semula ke IJN untuk menjalani sesi fisioterapi dan prosedur perubatan lanjut.

Dr Mahathir akan terus menjalani rawatan pemulihan dan buat masa ini masih dinasihatkan untuk tidak menerima kunjungan pelawat.

IJN pada 7 Januari lalu memaklumkan, Dr Mahathir sekali lagi dimasukkan ke institut itu untuk prosedur perubatan elektif.

Pada 23 Disember lalu, Dr Mahathir yang sebelum ini menjalani rawatan dan pemeriksaan di IJN dibenarkan keluar dari pusat rawatan itu.